

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membantu peminjam-peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan menstrukturkan kembali bayaran semula pinjaman mereka memandangkan golongan peminjam AIM diklasifikasikan sebagai usahawan B40 yang paling teruk terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan pengumuman Perintah Kawalan Perkhidmatan (PKP) berkuat kuasa bermula 18 Mac 2020, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah melaksanakan penutupan operasinya bermula 18 Mac 2020 hingga 5 Mei 2020.

Dalam pada yang sama, apabila Kerajaan mengumumkan pakej bantuan kepada rakyat termasuklah moratorium pembayaran balik pinjaman, AIM telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi peringkat AIM bersama Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) berjumlah RM682,357,904 untuk membantu rakyat Malaysia, secara amnya, dan Sahabat AIM, secara khususnya, melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

- i- Penangguhan kutipan bayaran balik mingguan selama 12 minggu sehingga 30 Mei 2020 membabitkan 378,815 orang Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM555 juta.
- ii- Kebenaran pengeluaran Simpanan Wajib (SW) Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia dengan had maksima RM300 melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM112.5 juta.
- iii- Penangguhan bayaran ansuran I-Lestari dan I-Usahawan Koop Sahabat selama 3 Bulan membabitkan 400 peminjam melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM300,000.
- iv- Penangguhan Lelongan Sahabat Ar-Rahnu sehingga tamat tempoh PKP membabitkan 1,500 peminjam melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM120,000.
- v- Pengagihan Zakat Perniagaan Koop Sahabat berjumlah RM621,104.80, Dana Bantuan Kebajikan Amanah Ikhtiar Malaysia berjumlah RM2.6 juta dan Dana Faedah Korporat Amanah Ikhtiar Malaysia berjumlah RM1.14 juta kepada 17,444

NO. SOALAN : 13

orang sahabat asnaf terpilih dengan kadar RM250 seorang melibatkan keseluruhan dana berjumlah RM4,361,104.80.

- vi- Menawarkan penggunaan Carlton Hotel Koop Sahabat kepada Frontliners Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara percuma melibatkan 80 bilik selama 8 hari berjumlah RM76,800.
- vii- Penyediaan makanan Ready to Eat Retort kepada Frontliners KKM sebanyak 515 bungkus.
- viii- Memperuntukkan Pinjaman Tabung Kumpulan (PTK) membabitkan 10,000 orang Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia dengan had maksima RM1,000 setiap pinjaman melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM10 juta.

Pihak AIM juga telah melanjutkan tempoh penangguhan kutipan bayaran balik pembiayaan sehingga 30 Jun 2020. Dalam usaha untuk memulihkan semula pendapatan Sahabat-Sahabat AIM selepas berakhirnya tempoh PKP, Kerajaan sedang meneliti permohonan penstrukturkan semula pinjaman AIM dengan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.